



## LARANGAN DALAM IHRAM DAN KAITANNYA DENGAN MATLAMAT PENJAGAAN ALAM SEKITAR

*Zaharatul Jannah Muhammad, Nur Amriena Suhaila Abdullah Suhaimi, Nur Aqilah Mohd Khuzir, Fatimah Syakirah Osman & Wan Mohd Yusof Wan Chik*

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Ihram merupakan satu keadaan umat Islam yang menunaikan ibadah Haji dan Umrah. Kerosakan alam sekitar di Tanah Haram merupakan perbuatan yang dilarang semasa dalam Ihram. Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan oleh seluruh manusia yang berada di bumi ini. Sebarang pencerobohan dan kerosakan yang dilakukan terhadap alam sekitar bukan sahaja memberi kesan yang buruk terhadap ekosistem yang wujud bahkan berpotensi memberi kesan yang buruk terhadap kesejahteraan manusia. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat larangan dalam ihram dan kaitannya dengan matlamat penjagaan alam sekitar. **Metodologi:** Kajian ini berbentuk kualitatif. Maklumat dikumpulkan melalui kajian dokumen dan temubual, sebelum dianalisis secara deskriptif. **Dapatan:** Kajian mendapati bahawa ihram adalah suatu bentuk latihan pendisiplinan kepada umat Islam dalam pelbagai aspek termasuk dalam tatacara berinteraksi dengan alam. Ia melibatkan larangan menebang memotong/mencabut pokok-pokok dan berburu binatang buruan di Tanah Haram. Melalui kajian ini didapati bahawa larangan semasa ihram dapat menguji keimanan dan kesabaran umat Islam semasa melakukan ibadah kepada Allah. **Kesimpulan:** Larangan dalam ihram dapat mendidik jemaah haji dan umrah supaya beradab dan menghargai makhluk lain.

**Kata kunci :** Larangan ihram, penjagaan, alam sekitar, menghargai, makhluk lain.

---

### Pengenalan

Ibadah Haji bermaksud mengunjungi Baitullah al-Haram di Makkah pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat-ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya. Antara syarat haji adalah telah berihram semasa berwukuf. Sebaik sahaja seseorang itu telah berniat ihram, maka dia akan terikat oleh larangan-larangan yang telah ditetapkan. Menurut kitab Al-Fiqh Manhaji pula haji adalah kunjungan dari segi syara' ialah mengunjungi kaabah untuk melakukan ibadah tertentu dengan syarat yang tertentu. Manakala umrah membawa maksud ziarah atau kunjungan ke tempat kediaman, dan dari segi syara' ialah mengunjungi Kaabah di luar musim haji untuk melakukan ibadah.

Berdasarkan kajian kes oleh pelajar tahun satu Universiti Putra Malaysia (UPM), Hafizah Abu Bakar, Nazalina Abd Aziz, Nur Afiqah dan Mohd Narwawi yang bertajuk Perhubungan antara Kesedaran Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Universiti dapat disimpulkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran dan pengetahuan tentang alam sekitar yang begitu bagus, namun penglibatan diri pelajar dalam menangani masalah alam sekitar ini adalah rendah.

Jurnal oleh Noor Azizah Samsudin dan Zanaton H.Iksan yang bertajuk Kesedaran Alam Sekitar Melalui Aplikasi Kendiri Alam Sekitar (KAKAS) membincangkan tentang kealpaan manusia dalam memelihara alam sekitar pada era perkembangan ekonomi dan teknologi yang pesat saban kini. Kesannya, perkara ini mula dirasai oleh generasi hari ini.

Kajian oleh Md Nor, Nurul Hafizah dan Othman, Abdul Aziz (2017) yang bertajuk Tahap Pengetahuan dan Amalan Berkaitan Alam Sekitar di Kalangan Pelajar Inasis, BSN, UUM mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar-pelajar tentang alam sekitar dan isu kitar semula adalah baik.

Berdasarkan kajian oleh Mohammad Affendy Omardin dan Nazirah Zainul Abidin tentang Konsep dan Amalan Kesedaran Terhadap Isu-Isu Alam Sekitar di Peringkat Awalan Projek Pembinaan Melalui Fasa Pengurusan Nilai mendapati bahawa responden mempunyai pendapat yang positif tentang isu kelestarian dan kesan-kesan terhadap pencemaran alam sekitar. Jelaslah bahawa semakin tinggi tahap keprihatinan terhadap alam sekitar, semakin tinggi kepenggunaan kelestarian tentang alam sekitar.

Jurnal oleh Mohd Yusof Hj Othman yang bertajuk Media dan Isu Alam Sekitar membincangkan tentang kepentingan media massa kerana dapat mempengaruhi pemikiran pembaca di samping dapat membina persepsi yang benar tentang alam sekitar ini serta dapat melahirkan masyarakat yang lebih sensitif dan peka terhadap alam sekitar.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang lepas, tiada lagi kajian khusus tentang larangan dalam ihram dan kaitannya dengan matlamat penjagaan alam sekitar yang dibincangkan. Pengkaji-pengkaji lepas hanya membincangkan tentang alam sekitar secara umum sahaja. Oleh yang demikian, kajian tentang larangan dalam ihram dan

kaitannya dengan matlamat penjagaan alam sekitar akan dikupas dengan teliti dalam kertas kerja ini.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan kajian keperpustakaan sebagai pengumpulan maklumat kajian. Kajian ini sesuai dengan objektif kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap. Segala item yang digunakan adalah untuk mengetahui maklumat tentang larangan ihram dan kaitannya dengan matlamat penjagaan alam sekitar.

Melalui kajian ini pengkaji menggunakan teknik temu bual semi berstruktur dengan cara soalan-soalan dalam sesi temu bual ditentukan terlebih dahulu, tetapi jawapan kepada soalan tersebut adalah terbuka dan boleh dipertimbangkan mengikut budi bicara penemu bual dan partisipan, (Othman, 2009; Hancock, et al, 2009). Data temu bual tersebut direkod dengan menggunakan pita rakaman dan mencatat nota semasa sesi temu bual berlangsung serta merekod seberapa banyak maklumat temu bual dapat diingat selepas tamat sesi tersebut.

Data yang dikumpulkan dianalisis secara kualitatif. Dalam proses membuat analisa data, pendekatan induktif telah digunakan. Kaedah ini digunakan untuk sampai kepada suatu kesimpulan serta rumusan berasaskan fakta dan data yang khusus kepada umum. Data-data tersebut dianalisa secara berterusan sehingga mewujudkan rumusan yang jelas dan mampu dijadikan sebagai bukti yang sah.

### **Dapatan Kajian**

Kajian ini mendapati bahawa haji adalah salah satu dari rukun Islam dan menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam lelaki mahupun wanita bagi yang berkemampuan untuk melaksanakannya dan melaksanakannya dikira wajib hanya sekali seumur hidup jika dilakukan lebih dari itu maka ia dikira sunat. Rukun utama bagi haji dan umrah adalah niat ihram. Sebelum seseorang itu berniat ihram sama ada untuk mengerjakan haji dan umrah di Miqat Makani, maka hendaklah terlebih dahulu seseorang itu memakai ihram. Sesiapa yang telah berihram dan berniat demikian maka haramlah baginya melakukan beberapa perkara yang diharamkan ketika dalam ihram.

Dalam ibadah haji dan umrah terdapat tiga belas larangan ihram semasa ibadah haji dan umrah. Antaranya ialah (i) memakai pakaian bersarung atau berjahit dan bercamtum (lelaki), (ii) menutup kepala atau sebahagian daripadanya, (iii) menutup muka (wanita), (iv) memakai sarung tangan (lelaki dan perempuan), (v) memakai bau-bauan sama ada di badan, pakaian, makanan minuman atau menghidunya ke dalam hidung, (vi) memakai minyak di kepala atau janggut dan selain daripada yang tumbuh di pipi dan dahi, (vii) menanggalkan rambut dan bulu, (viii) mengerat atau memotong kuku, (ix) menebang atau memotong atau mencabut pokok-pokok di tanah haram, (x) memburu binatang buruan, (xi) berkahwin atau mengahwinkan, menerima nikah, (xii) melakukan pendahuluan persetubuhan dan (xiii) melakukan persetubuhan.

**Rajah 1:** Larangan dalam ihram semasa ibadah Haji dan Umrah



Berdasarkan dapatan, seseorang yang melakukan perkara yang dilarang semasa dalam ihram, wajib dikenakan *dam*. *Dam* terbahagi kepada empat jenis iaitu (i) *dam tertib* dan *takdir* iaitu kesalahan yang berkaitan dengan rukun, wajib Haji dan perkara lain dalam ibadat Haji, (ii) *dam tertib* dan *ta'dil* iaitu kesalahan yang agak berat dan tidak berkaitan

dengan ibadah Haji, (iii) *dam takhyir* dan *takdir* iaitu kesalahan yang berkaitan dengan berhias diri, (iv) *dam takhyir* dan *ta'dil* iaitu kesalahan yang berkaitan alam sekitar.

**Jadual 1:** Jenis-jenis *dam* dan kesalahannya semasa mengerjakan Haji dan Umrah

Jenis-Jenis Dam	Kesalahan
Dam tertib dan takdir	Berkaitan dengan rukun, wajib Haji dan perkara lain dalam ibadat Haji
Dam tertib dan ta'dil	Agak berat dan tidak berkaitan dengan ibadah Haji
Dam takhyir dan takdir	Berkaitan dengan berhias diri
Dam takhyir dan ta'dil	Berkaitan alam sekitar

Menurut temubual yang dibuat bersama Dr Mohd Fadzil Mustafa, beliau menyatakan bahawa tiada isu yang berbangkit berkenaan larangan ihram iaitu menebang, memotong atau mencabut pokok-pokok atau kerosakan alam sekitar. Ini disebabkan jemaah haji dan umrah Malaysia sudah sedia maklum apabila mengikuti kursus haji dan umrah dan diberitahu berkaitan dengan larangan-larangan dalam ihram.

Tambahan pula, para jemaah haji dan umrah Malaysia amat berhati-hati dalam menjaga diri dari larangan ihram kerana jika melakukan larangan tersebut akan dikenakan *dam*. Beliau menjelaskan lagi, pada tahun 1990 berlakunya isu berkaitan dengan alam sekitar iaitu terdapat para jemaah haji mengikat tali khemah pada dahan-dahan pokok yang menyebabkan dahan-dahan pokok tersebut patah akibat angin yang sangat kencang. Maka timbul persoalan dimana para jemaah haji ini akan dikenakan *dam* ataupun tidak. Susulan daripada persoalan ini, para jemaah haji tidak dikenakan *dam* kerana dahan-dahan pokok yang patah tersebut berlaku di Arafah. Hal ini kerana, para jemaah haji dan umrah dalam ihram tidak dikenakan *dam* jika memotong, menebang, mengerat atau mencabut pokok di Tanah Halal.

Beliau juga menceritakan bahawa terdapat pokok-pokok yang dikecualikan daripada dikenakan *dam* apabila dicabut iaitu pokok yang boleh dijadikan sebagai ubat seperti rumput Siti Fatimah. Umum mengetahui bahawa mencabut rumput atau memotong pokok adalah salah satu larangan semasa ihram, namun tidak menjadi kesalahan bagi para jemaah memijak rumput di Tanah Haram.

Larangan dalam ihram bukanlah satu bentuk larangan yang sia-sia kerana perkara yang dilarang banyak berkaitan dengan masalah manusia dalam mengerjakan ibadah haji dan umrah. Penekanan terhadap alam sekitar dalam larangan ihram pada masa kini sering dipraktikkan kepada para jemaah untuk menambah pengetahuan, teliti terhadap keadaan sekitar dan dapat menjadikan para jemaah yang berdisiplin dalam melaksanakan ibadah haji dan umrah. Oleh kerana alam sekitar menjadi salah satu perkara yang terkandung dalam larangan semasa ihram, maka konsep kebersihan lebih dekat untuk dibincangkan. Amalan menjaga kebersihan adalah amalan baik yang perlu diteruskan. Hal ini bukan sahaja fitrah manusia menyenangi akan kebersihan bahkan Allah swt juga suka akan kebaikan dan kebersihan seperti mana dalam Riwayat al-Tirmizi:

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi.”*

Mafhum daripada hadis di atas ialah umat Islam dianjurkan menjaga kebersihan. Konsep kebersihan yang telah diterapkan kepada para jemaah oleh pengurusan tabung haji pada musim haji 1439 hijrah yang lalu telah menarik minat dan mendapat pujian oleh kementerian haji dan umrah Arab Saudi. Konsep kebersihan ini dikenali sebagai konsep nazafah sebagai praktikal dalam kesempurnaan haji malah hal ini telah dipamerkan oleh masyarakat jepun ketika ibadah haji dari dahulu lagi. Konsep nazafah yang diterapkan adalah lebih meraikan rakan-rakan sebilik seperti tidak merokok, tidak membuang sampah di merata tempat, tidak menyusun pakaian dengan rapi, tidak menjaga bau mulut seperti tidak gosok gigi dan bau badan yang kuat yang sepatutnya menjaga kebersihan badan. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)

## **Penutup**

Larangan semasa ihram adalah elemen yang penting untuk para jemaah haji atau umrah tidak melakukannya. Namun, jika Jemaah haji atau umrah melakukan larangan ini ia tidak membatalkan haji atau umrah tetapi akan dikenakan dam. Walau bagaimanapun, jika melakukan dengan sengaja maka hukumnya berdosa. Larangan ini untuk memastikan para Jemaah haji atau umrah dapat mengikut peraturan dan hukum hakam yang

ditetapkan. Menebang, memotong, mencabut pokok-pokok dan memburu binatang buruan di tanah haram adalah dilarang kerana untuk mendidik para jemaah haji dan umrah supaya beradab serta menghargai makhluk lain. Hal ini juga kerana, pokok yang hidup subur di tanah haram adalah “pohon-pohon yang diberkati”. Larangan ini amat penting demi menjaga kemaslahatan makhluk-makhluk lain yang saling memerlukan dalam kehidupannya.

## **Penghargaan**

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan izinNya dapat kumpulan kami mengemukakan penulisan kertas kerja ini pada masa yang ditetapkan sejurus selepas taklimat yang disampaikan oleh Dr Farah Syazrah Mohd Ghazali. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada pensyarah kami iaitu Ustaz Wan Mohd Yusof Wan Chik terhadap tunjuk ajar yang diberikan serta Dr Mohd Fadzil Mustafa dalam memberikan maklumat mengenai larangan ihram di Tanah Haram.

## **Rujukan**

### **Buku**

- Abu Anas Muhammad Salman bin Jonid, *Panduan Haji, Umrah dan Ziarah*, Selangor : Al-Hidayah House of Publishers, 2015, h. 38
- Abu Inas Husayna Abu Nafidah, *Manasik Umrah & Ziarah*, Kuala Lumpur : pustaka al-shafa, 2008
- 'Ablah Muhammad Al-Kahlawi, *Buku Rujukan Haji dan Umrah Untuk Wanita*, Selangor : Al-hidayah of Publishers SDN BHD, 2013, h. 194
- Ahmad Rosli Bin Haji Ahmad Mokhtar, *Panduan Ibadat Haji*, Kuala Terengganu : Rayhar Travels SDN BHD, 2008, h.181
- Abdul Wahab Haji Hamid, *Panduan Sistemik Haji dan Umrah*, Kuala Lumpur : 'K' Publishing & Distributors SND BHD, 1990, h. 78
- Hasbullah Haji Ali, *Persiapan Menjadi Tetamu Allah Soal Jawab Haji dan Umrah*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1993, h. 25
- Ja'far Banafi' , *Panduan Haji Umrah Dan Ziarah*, Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, 2000, h.84
- Jamalluddin Hashim, *Fiqh Umrah Kontemporari*, Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2017, h. 31
- Mu'ammal Hamidy, *Risalah Hajji*, Jakarta : Penerbit Media Dakwah, 1978, h. 73
- Oman Bin Jantan, *Pedoman Haji Umrah Dan Ziarah*, Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, h.17
- Setia Jasa Mohd Saleh Bin Awang (Misbaha), *Teman Anda Ke Tanah Suci*, Selangor : Times Books International, 1953, h. 29
- Syed Ahmad bin Syed Abdullah Al-'Aidrus, *Fadhilat Mengerjakan Haji dan Panduan Haji Mabruur*, Kuala Lumpur : Darul Fikir SDN BHD, 2009, h. 23.
- Mohd Yusof Hj Othman, Media dan Isu Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaya, Jurnal Hadhari 2(2) (2010), h.1

Noor Azizah Samsudin dan Zanaton H.Iksan, Kesedaran Alam Sekitar Melalui Aplikasi Kendiri Alam Sekitar (KAKAS), *Jurnal Personalia Pelajar* 18(2) (2015), h.1

Hafizah Abu Bakar, Nazalina Abd Aziz, Nur Afiqah, Mohd Narwawi, Perhubungan antara Kesedaran Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Mesra Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Universiti, *Universiti Putra Malaysia (UPM)*, Januari 2013.

### **Internet**

Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (16 September 2019)  
<http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2745-bayan-linnas-siri-ke-152-konsep-nazafah-praktikal-dalam-kesempurnaan-haji?highlight=WyJpaHJhbSIq>

Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Melaka (16 September 2019)  
[http://www.muftimelaka.gov.my/haji/rukun\\_ihram.htm](http://www.muftimelaka.gov.my/haji/rukun_ihram.htm)

Laman Web Rasmi Perpustakaan Sultan Bahiyah UUM\_\_\_\_ (18September2019)  
<http://repo.uum.edu.my/22729/>

### **Temu Bual**

Dr Mohd Fadzil Mustafa, Pensyarah UniSZA, (16 Oktober 2019) secara tidak formal